

Pasar tani dalam kampus Unisza

Tawar barangan keperluan dengan harga lebih murah bantu penuntut berijimat

GONG BADAQ - Pusat Keusahawanan dan Kejaharian, Pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) mengemukakan pasar tani di dalam kampus bagi memudahkan warganya mendapatkan barangan keperluan.

Beroperasi setiap Isnin bermula 3 petang hingga 10 malam di Unisza Kampus Gong Badak, pasar tani itu yang diberi nama Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) diilhamkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah kendalian program My Best Buy.

Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kejaharian

Pelajar Unisza, Dr Fakhrul Anwar Zainol berkata, tujuan program tersebut adalah untuk membantu meringankan beban penuntut membeli barangan keperluan dengan harga lebih murah.

Menurutnya, terdapat kira-kira 30 peniaga yang membuka gerai menjual pelbagai barangan, antaranya barangan basah seperti sayur, ikan dan pelbagai jenis makanan.

"Pelajar dari Koperasi Siswa Unisza Berhad (Kokiswa) turut mengambil bahagian secara jualan but kereta, di mana barangan yang dijual seperti pakaian, aksesori, gajet dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, sambutan yang diterima bukan sahaja daripada penuntut, malah komuniti setempat juga tidak melepaskan peluang mengunjungi pasar tani berkenaan.

Katanya, barang yang dijual lebih murah antara lima hingga 20 peratus berbanding harga pasaran kerana tujuan pasar tani itu untuk mengurangkan beban dan kos sara hidup rakyat.

"Untuk peniaga, segala peralatan adalah di bawah tanggungjawab Fama dan harganya sewaan tapak dikenakan ke atas mereka sebagai satu sumber pendapatan kepada universiti," katanya.



Antara mahasiswa yang turut berniaga di Pasar Tani Unisza.

SINAR #ABRIAN
12/09/2014